

R B752 BAH
MAHATHIR - SERANG

KOTA BAHARU, 18 OKT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) AKAN +SERANG+ HABIS-HABISAN KERUSI YANG DITANDINGI PARTI BERSATU SABAH (PBS), MELALUI CALON BEBAS DAN AKAR DALAM PILIHAN RAYA UMUM INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA BN AKAN MEMBERI BANTUAN KEPADA YANG CALON-CALON BEBAS TERBABIT.

BN JUGA AKAN MEMBERI PENERANAGAN KEPADA RAKYAT SABAH TENTANG TINDAKAN KETUA MENTERI DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINGAN YANG MERUGIKAN SABAH, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN MESYUARAT TERTUTUP KIRA-KIRA DUA JAM DENGAN CALON-CALON BN DI NEGERI INI DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MERUGIKAN +KERANA JIKA SABAH MEMPUNGAI KERAJAAN YANG TIDAK ADA HUBUNGAN BAIK DENGAN KERAJAAN PUSAT, MAKA SUKARLAH BAGI KERAJAAN PUSAT MEMBERI KERJASAMA.+

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK MENYALAHKAN RAKYAT SABAH TETAPI MENYALAHKAN PBS KERANA SENGAJA MERACUNI FIKIRAN ORANG SABAH.

BELIAU BERKATA PBS JUGA TELAH MENIDAKKAN BANTUAN YANG BANYAK YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN PUSAT KEPADA SABAH.

MENGENAI KAWASAN YANG DITANDINGI OLEH PBS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA= +KITA MEMANG KHUATIR TENTANG KERUSI PBS. KITA SEDAR DI KERUSI USNO, PBS MELETAKAN CALON-CALONNYA, TETAPI SAYA YAKIN WALAUPUN ADA CALON BEBAS, USNO AKAN DAPAT MEMPERTAHANKAN ENAM KERUSINYA.+ -- LAGI.

1444MST 18 10 90

R B753 BAH
MAHATHIR - SERANG 2 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA PAS JUGA KINI SUDAH SUDI BEKERJASAMA DENGAN DATUK SERI PAIRIN YANG BERUSAHA UNTUK +MELANYAKKAN+ TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN DAN USNO YANG DIPIMPINNYA.

PBS SEBELUM INI JUGA TELAH BERJAYA +MELANYAKKAN+ PARTI BERJAYA, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TAHU TENTANG BANTUAN KEWANGAN LUAR NEGARA YANG DIBERIKAN KEPADA PBS.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN TIDAK AKAN MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN MENGENAI PERKARA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR ENGGAN MENYEBUT NAMA NEGARA TERBABIT TETAPI MENAMBAH= +KITA JUGA SEDAR TENTANG ADANYA BADAN-BADAN LUAR TERTENTU YANG MEMBERI BANTUAN DAN SOKONGAN KEPADA PARTI-PARTI TERTENTU.+

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA KERJASAMA ANTARA PBS DAN PARTI-PARTI DALAM ANGKATAN PERPADUAN UMMAH (ANGKATAN), PARTI-PARTI BERKENAAN AKAN MENJADI MEWAH.-

INI KERANA PBS YANG TERKENAL DENGAN KAYANYA SUDAH PASTI AKAN MEMBANTU RAKAN-RAKANNYA DALAM ANGKATAN, KATANYA. -- BERNAMA.

1446MST 18 10 90